

TARIKH	9 1 5 1 2014	SEKSYEN	DALAM NEGERI
MUKA SURAT	12	RUANGAN	

Berjaga-jaga elak dijangkiti MERS-CoV

KUALA LUMPUR 8 Mei - Umat Islam yang berhasrat mahu mengerjakan umrah ketika ini dinasihatkan agar mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelak dijangkiti Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV) yang telah meragut lebih 100 nyawa di Arab Saudi baru-baru ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, ini kerana kerajaan tidak menghalang atau tidak akan mengagihkan perjalanan mereka untuk tujuan itu.

"Saya ada terbaca kerajaan

Arab Saudi menasihati jemaah umrah menangguhkan perjalanan, justeru terpulang kepada rakyat kita sama ada mahu mengikut nasihat itu dan membuat keputusan yang sewajarnya demi keselamatan dan kesihatan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas majlis penganugerahan sijil akreditasi Majlis Piawaitan Penjagaan Kesihatan Australia (ACHS) ke-



S.SUBRAMANIAM

hospital swasta menjadi hospital latihan memandangkan kebanyakan pesakit di negara ini mem-

pada Sunway Medical Centre di sini hari ini.

Turut hadir Pengasas dan Pengerusi Sunway Group, Tan Sri Jeffrey Cheah dan Ahli Lembaga Pengarah ACHS, Dr. David Lord.

Mengulas mengenai latihan perubatan di hospital swasta, Subramaniam berkata, sememangnya menjadi

cabaran bagi sesebuah hospital swasta menjadi hospital latihan bagi pelajar kedoktoran

bayar sendiri bagi mendapatkan perkhidmatan berkualiti.

"Oleh kerana itu kebanyakan latihan bagi pelajar dan graduan perubatan akan dijalankan latihan di hospital awam. Sama ada pesakit yang mengeluarkan wang sendiri untuk mendapatkan perkhidmatan lebih baik di swasta mahu membenarkan mereka dirawat doktor pelatih, itu adalah satu cabaran," katanya.

Namun begitu, katanya, ia adalah satu cadangan yang baik untuk menarik lebih banyak hospital swasta menjadi hospital latihan bagi pelajar kedoktoran

di negara ini.

Mengenal akreditasi yang diterima Sunway Medical Centre, Subramaniam berkata, ia adalah satu langkah baik untuk mempromosi perkhidmatan perubatan ke peringkat antarabangsa.

"Ini bermakna, apabila sesebuah hospital swasta menerima akreditasi antarabangsa, mereka telah mempromosi dan menjual perkhidmatan ke peringkat lebih jauh. Malah ia adalah langkah terbaik untuk menarik keyakinan orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan di sini," katanya.